



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami: PBBPP.UKK.100-2/1/1(2)

Date: 22 March 2019

KENYATAAN MEDIA

PERKHIDMATAN FUNIKULAR BUKIT BENDERA DITUTUP SEMENTARA UNTUK PENYELENGARAAN TAHUNAN

Perkhidmatan funikular Bukit Bendera Pulau Pinang akan ditutup sementara untuk penyelenggaraan tahunan berjadual kali kedua bermula dari 1 Julai hingga 5 Julai 2019, dan akan beroperasi semula pada 6 Julai 2019.

Penyelenggaraan berjadual akan dijalankan di bawah pengawasan syarikat pengeluar funikular (Garaventa AG dari Switzerland) untuk memastikan sistem penggera sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan menjalani pemeriksaan keselamatan yang ketat.

Pengunjung boleh memilih untuk menggunakan perkhidmatan jip yang dikendalikan oleh syarikat persendirian dari Taman Botani, atau menggunakan laluan mendaki untuk sampai ke puncak Bukit Bendera semasa tempoh penutupan.

Perbadanan Bukit Bendera mengucapkan terima kasih kepada semua pengunjung diatas kesabaran dan sokongan berterusan mereka kepada Bukit Bendera. Maaf diatas segala kesulitan yang dihadapi.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Perbadanan Bukit Bendera di talian 04-828 8880 atau email kepada inquiries@penanghill.gov.my.

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Perbadanan Bukit Bendera
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my